

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO. 3 , NO. 9 HINGGA NO. 74 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 8 )**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK  
DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 08.04.2015 (RABU)**

**SOALAN : 3**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah projek dan peruntukan untuk mini hidro yang telah dilaksanakan di Sarawak.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2014, Kementerian telah siap membina 3 stesen mikro hidro di negeri Sarawak bernilai RM30.4 juta di Semulung Ulu, Pakan, Ng. Sengaih, Sri Aman dan Long Bangga, Baram yang telah memberi manfaat kepada 307 buah rumah. Untuk makluman Yang Berhormat, projek mikro hidro di Semulung Ulu dan Ng. Sengaih dilaksanakan dengan kerjasama Unimas.

Kementerian juga pada tahun 2015 merancang untuk meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar sistem mikro hidro di Long Tanid. Lawas dan Long Mubai, Baram bernilai RM9.0 juta dengan kerjasama Curtin University Sarawak. Perkara ini masih diperingkat perbincangan dan dijangka akan dapat dimulakan pada Jun 2015.